

PENGARUH DIALEK NEGERI SEMBILAN KEPADA
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MALAYSIA
STANDARD DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH
RENDAH : SATU KAJIAN KES DI TAMPIN

ZURAIDAH BT. ZULKEFLEE

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI SELANGOR
SESI 1981/82

PENGARUH DIALEK NEGERI SEMBILAN KEPADA
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MALAYSIA STANDARD
DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH : SATU
KAJIAN KES DI TAMPIN.

Oleh

ZURAIDAH BT. ZULKEFLEE

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1981/82

Ku abadikan.

Dalam shahdu sedar sabarmu, ibu
kau mahu gunung nanah dan lurah rekah
mengalun mesra: memanas kesetiaan nan rela
cita-cita nan bertunjang dihati
kesungguhan dan keyakinan dilidah api
esok sinaran emas bercahaya

(Mahaya Md. Yassin, '81)

buat:

emak dan ayah yang mendoakan
adik-adik yang bakal menjejaki
tunangan yang tersayang
dan sahabat-sahabat yang mengerti.

SINOPSIS

Kemerosotan prestasi pelajar-pelajar Melayu di dalam peperiksaan Bahasa Malaysia sudah lama menjadi tajuk perbualan di seluruh negara. Angka-angka statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran menyebabkan kita menjadi tertanya-tanya apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemunduran pelajar-pelajar Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, bahasa ibunda mereka sendiri! Kajian ini merupakan satu percubaan untuk melihat sejauh manakah dialek menjadi 'language interference' dalam proses pembelajaran murid.

Untuk tujuan itu, kajian ini akan dibahagikan kepada lima bahagian. Bab Pertama akan menghuraikan definisi dialek dan bahasa standard. Dalam bahagian ini juga penulis akan membincangkan perkaitan antara dialek dan pendidikan dan bagaimana timbulnya masalah dalam pembelajaran bahasa standard. apabila jarak antara satu-satu dialek dan bahasa standard itu semakin jauh.

Bab Kedua akan membincangkan tentang linguistik dan pengajaran bahasa, teori-teori linguistik dan aliran-alirannya serta kaedah pengajaran bahasa. Ini dikaitkan dengan pengajaran bahasa pertama untuk murid-murid yang berdialekganda (bidialektikal).

Bab ketiga akan memperlihatkan kelainan antara dialek Negeri Sembilan dengan Bahasa Malaysia Standard dari sudut fonologi, morfologi dan sintaksis. Melihat pada perbedaan ini kita akan dapat menjangka kawasan-kawasan bermasalah yang akan dihadapi oleh murid dalam proses pembelajaran Bahasa Malaysia Standard.

Penganalisaan data-data statistik dan juga data-data dari sudut fonologi, morfologi dan sintaksis hasil dari kajiilidik penulis akan dibincangkan dalam Bab Keempat untuk melihat sejauh manakah pengaruh dialek berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard di sekolah-sekolah rendah di daerah Tampin.

Bab Kelima merupakan kesimpulan dari kajian yang telah dibuat dan saranan-saranan penulis dalam usaha untuk mengatasi masalah pengaruh dialek dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard.

PENGHARGAAN

Syukur saya ke hadzrat Illahi yang dengan limpah kurniaNya telah membolehkan saya menyiapkan latihan ini sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Sastera (Kepujian) di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kasa penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia latihan ilmiah saya, Drs. Mangantar Limanjuntak yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berguna dalam proses menyiapkan kajian ini.

Ingin juga saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi saya kebenaran untuk menjalankan kajian mikro di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di daerah Tampin.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada guru-guru bahasa yang telah membantu saya dalam penyelidikan, kepada sahabat-sahabat yang selalu memberikan galakan dan sokongan moral dan juga saudari Dahlia, Fatimah dan Jannah yang telah mudi menaipkan latihan ilmiah ini.

Akhir sekali buat emak dan ayah yang sering mendoakan kejayaan saya, adik-adik yang menjadi sumber inspirasi serta tunangan yang sentiasa membantu dan memberikan galakan.

Zuraidah bte. Zulkeflee

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi

Ghb. Mac 1982

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Sinopsis	iv
Penghargaan	vi
Kandungan	viii
PENGANTAR	
0.1 Pendahuluan	1
0.2 Tujuan kajian	4
0.3 Kawasan kajian	8
0.4 Kaedah kajian	10
0.5 Skop kajian	11
0.6 Masalah kajian	11
0.7 Pentingnya kajian	11
BAB 1 PENGERTIAN DIALEK DAN BAHASA MALAYSIA STANDARD (BMS)	
1.0 Pendahuluan	14
1.1 Pengertian dialek	15
1.1.1 Jenis-jenis dialek	19
1.1.2 Penggolongan dialek	22
1.2 Dialek Negeri Sembilan (DNS)	24
1.3 Bahasa standard	26
1.4 Bahasa Malaysia Standard (BMS)	30
1.4.1 Pemilihan Bahasa Malaysia Standard (BMS)	31
1.4.2 Fungsi Bahasa Malaysia Standard (BMS)	34
1.5 Dialek (Bahasa) Standard dan Pendidikan	35
1.6 Kesimpulan	37
BAB 2 LINGUISTIK DAN PENGAJARAN BAHASA	
2.0 Pendahuluan	39
2.1 Linguistik dan sejarah perkembangan pengajaran bahasa (kedua)	40

	<u>Halaman</u>
2.2 Teori-teori Linguistik dan aliran-alirannya	43
2.3 Pendekatan-pendekatan pengajaran bahasa	46
2.3.1 Keluarga teori Assosiasi Perangsang-Laku	48
2.3.2 Keluarga teori Belajar Medan Gestalt	50
2.2.2.1 Hukum Pragnanz	54
2.2.2.2 Hukum Kesamaan	55
2.2.2.3 Hukum Proksimiti atau Kedekatan	55
2.2.2.4 Hukum Penutupan	56
2.3.1 Pendekatan Audio-Lingual.	57
2.3.2 Pendekatan Kognitif	63
2.3.3 Pendekatan Pragmatik	68
2.4 Teori yang kita perlukan	70
2.5 Pendekatan APTA dan OPTA	76
2.6 Kesimpulan	78
BAB 3 ANALISIS PERHAWINDINGAN ANTARA DIALEK NEGIRI SEMBILAN DAN BAHASA MALAYSIA STANDARD	
3.0 Pendahuluan	82
3.1 Sistem Fonologi	82
3.1.1 Sistem vokal	84
3.1.1.1 Variasi vokal antara BMS dan DMS	85
3.1.1.1.1 Penyebaran vokal /i/	86
3.1.1.1.2 Penyebaran vokal /e/	87
3.1.1.1.3 Penyebaran vokal /ɛ/	87
3.1.1.1.4 Penyebaran vokal /a/	88
3.1.1.1.5 Penyebaran vokal /ɔ/	90
3.1.1.1.6 Penyebaran vokal /o/	91
3.1.1.1.7 Penyebaran vokal /u/	92
3.1.1.2 Vokal yang dinasalkan	93

Halaman

3.1.2	Sistem konsonan	95
3.1.2.1	Variasi konsonan	96
3.1.2.1.1	Variasi konsonan /r/	96
3.1.2.1.2	Variasi konsonan /s/	98
3.1.2.1.3	Variasi konsonan /t/	99
3.1.2.1.4	Variasi konsonan /h/	100
3.1.2.1.5	Variasi konsonan /l/	101
3.1.2.1.6	Variasi konsonan plosif	103
3.2	Sistem Morfologi	104
3.2.1	Struktur Morfem Terikat	106
3.2.2	Pemakaian Morfem Terikat	108
3.2.2.1	Awalan /mɔ/	108
3.2.2.2	Awalan /pɔ/	109
3.2.2.3	Awalan /bɔ/	110
3.2.2.4	Awalan /tɔ/	110
3.2.2.5	Awalan /kɔ/	111
3.2.2.6	Awalan /di-/	111
3.2.2.7	Awalan /sɔ/	112
3.2.2.8	Imbuhan akhiran	112
3.2.2.9	Akhiran /-an/-(kan)	112
3.2.2.10	Akhiran /-an/	113
3.2.2.11	Akhiran /-i/	113
3.2.2.12	Imbuhan terbahagi	113
3.2.2.13	Keseringan pemakaian Morfem Terikat	114
3.2.3	Penyisipan	114
3.2.4	Penggandaan	115
3.3	Sistem Sintaksis	117
3.3.1	Susunan ayat interogatif yang memerlukan jawapan pendek ya / tidak	118

	<u>Halaman</u>
3.3.2 Susunan kata kerja pasif yang menerima imbuhan 'di' dan 'ter'	119
3.3.3 Susunan katadepan dalam ayat	120
3.3.4 Susunan kata kesangatan dalam ayat	120
3.4 Kesimpulan	121
BAB 4 PENGARUH DIALEK NEGERI SEMBILAN (DNS) KEPADA PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA STANDARD (BMS)	
4.0 Pendahuluan	123
4.1 Latar belakang guru	124
4.2 Sikap guru terhadap dialek	126
4.3 Latar belakang murid	130
4.4 Sikap murid	132
4.5 Sikap ibu bapa	136
4.6 Kemudahan-kemudahan di sekolah	137
4.6.1 Perpustakaan	137
4.6.2 Alat-alat media-massa	138
4.6.3 Aktiviti-aktiviti bahasa	138
4.7 Kaedah Pengajaran	139
4.7.1 Kaedah abjad	140
4.7.2 Kaedah suku kata	141
4.7.3 Kaedah pandang dan sebut	143
4.7.4 Kaedah Eklektik	144
4.8 Pengaruh DNS terhadap pembelajaran BMS	145
4.9 Pengaruh Fonologi	146
4.9.1 Penggunaan vokal	147
4.9.1.1 Pengguguran dan penyisipan vokal	152
4.9.2 Penggunaan konsonan	153
4.10 Pengaruh Morfologi	158

	<u>Halaman</u>
4.10.1 Kesalahan imbuhan	159
4.10.1.1 Imbuhan awalan	159
4.10.1.2 Imbuhan akhiran	161
4.10.1.3 Imbuhan terbagi	163
4.11 Pengaruh Sintaksis	166
4.11.1 Kesalahan dalam pemilihan perkataan	166
4.11.2 Kesalahan meninggalkan perkataan	168
4.11.3 Pengaruh struktur pertuturan dalam tulisan	171
4.12 Kesimpulan	178
BAB 5 PENUTUP	
5.0 Kesimpulan	180
BIBLIOGRAFI	187
LAMPIRAN	193

BAHAGIAN

PENGANTAR

0.1 Pendahuluan

Kita tentu merasa amat bangga apabila bahasa Melayu diistiharkan sebagai bahasa resmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia kira-kira dua puluh empat tahun yang lalu ketika Malaysia mencapai kemerdekaannya. Hari ini kita melihat perkembangan pesat dalam mencapai matlamat menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dari peringkat sekolah dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi pada tahun 1985.

Sekali imbas, kita tentu membuat anggapan bahawa dengan terlaksananya dasar ini, anak-anak Melayulah yang akan paling beruntung kerana tentu mereka tidak akan menghadapi masalah dalam mempelajari Bahasa Malaysia yang memang bahasa ibunda mereka.

Kemerosotan prestasi pelajar-pelajar Melayu di dalam peperiksaan Bahasa Malaysia sudah lama menjadi perbualan di seluruh negara¹. Data-data keputusan peperiksaan yang dikeluarkan oleh kerajaan amat memeranjatkan kita apabila didapati pencapaian anak-anak Melayu telah merosot dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia berbanding dengan pelajar-pelajar lain. Pada tahun 1980, misalnya 41.5% pelajar

1. Lihat karangan Omar Hashim 1978, misalnya.

Melayu yang mendapat pangkat kepujian didalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Utusan Malaysia). Ini merupakan kemunduran sebanyak 47.7% dengan tahun 1979.

Di Negeri Sembilan (berdasarkan berita yang tersiar dalam Utusan Malaysia 7hb. November, 1977) terdapat seramai 1500 orang murid merosot yang tidak boleh membaca dan menulis. Berikut adalah petikan berita tersebut:

'Selebu 6 Nov. - Seramai 1500 orang murid sekolah rendah di Negeri Sembilan tidak boleh membaca dan menulis, kata Pengarah Pelajaran Negeri, Encik Annuar Ayub. Jumlah tersebut adalah dari seramai 90,000 orang murid-murid rendah di negeri ini.....'

Kesimpulan yang boleh dibuat dari kenyataan akhbar ini ialah, murid-murid tidak hanya perlu mahir dalam bertutur tetapi juga membaca dan menulis. Kegagalan dalam pelajaran bahasa akan turut mempengaruhi pencapaian seseorang dalam mata pelajaran lain. Berbagai-bagai andaian dibuat dalam mencari punca kemerosotan dan kelemahan pelajar-pelajar, antaranya:

1. Masalah kualiti guru bahasa
2. Kekurangan buku-buku teks dan bahan bacaan yang sesuai
3. Sikap negatif murid terhadap pelajaran bahasa
4. Tiadanya buku-buku tatabahasa pegangan

5. Sistem bahasa yang belum mantap
6. Sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa yang tidak sesuai.

Walaupun Bahasa Malaysia merupakan bahasa ibunda bagi pelajar-pelajar, ia masih perlu mempelajarinya supaya dapat berkomunikasi dengan cara yang lebih baik. Bahasa Malaysia yang dipelajari mungkin tidak selaras dengan bahasa ibunda yang diperolehinya kerana ia mungkin terpengaruh oleh dialek. Dialek mempunyai kesan langsung atau tidak langsung terhadap kemahiran berbahasa, bukan sahaja dari segi lisan tetapi juga tatabahasanya.

Penyelidikan di negara lain dan pengalaman guru-guru di Malaysia menyokong andaian ini. Tetapi setakat ini belum ada bukti linguistik bahawa dialek daerah mengganggu pembelajaran Bahasa Malaysia². Pernyataan ini tidak pula menafikan adanya pengaruh dialek. Tegasnya di sini pengaruh itu belum dibuktikan (Collins 1981: 97).

-
2. Telah ada kajian-kajian yang dijalankan oleh Parid dan Ajid (1979) misalnya, tulisan Asmah (1978) dan sebuah latihan ilmiah tentang pengaruh dialek oleh Maimoon (1979) tetapi belum benar-benar dapat dibuktikan dengan bukti-bukti linguistik.

0.2 Tujuan Kajian

Dalam kajian ini, penulis ingin meninjau sejauh manakah dialek khususnya di Negeri Sembilan sebagai 'language interference' kepada pengajaran Bahasa Malaysia Standard (BMS). Dialek merupakan satu daripada faktor yang diandaikan menyebabkan kelemahan dan kemerosotan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam peperiksaan kerana nilai-nilai peperiksaan tentang bahasa itu ditentukan oleh nilai-nilai BMS. Bahasa lisan pelajar-pelajar sering dipengaruhi oleh dialek bukan hanya dari segi sebutan tetapi lebih-lebih lagi dari segi tatabahasa murid yang berdasarkan bahasa lisan, maka tujuan atau matlamat pengajaran bahasa untuk menstandardisasikan dan memodenkan Bahasa Melayu itu tidak akan tercapai.

Untuk tujuan Latihan ilmiah ini, disertakan juga data keputusan peperiksaan penilaian darjah lima di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari data tersebut didapati jumlah peratus kelulusan di Negeri Sembilan merosot pada tahun 1977 dan 1980 (sila lihat data yang dilampirkan). Ini selaras dengan bukti-bukti akhbar (1977) dan data keputusan tahun 1980 seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

PEPERIKSAAN PENJALANAN DARJAH LIMA (PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)

PEPATUTS PENCAPAIAN BAHASA MALAYSIA

NOMORI	1 9 7 6					1 9 7 7					1 9 7 8					1 9 7 9					1 9 8 0				
	A	B	C	Jum- lah	A	B	C	Jum- lah	A	B	C	Jum- lah	A	B	C	Jum- lah	A	B	C	Jum- lah	A	B	C	Jum- lah	
SILANGOR	11.2	40.2	26.6	78	11.7	39.3	24.4	75.4	22.5	43.2	16.2	81.9	21.6	42.82	15.53	79.55	19.83	43.33	15.53	79.55	19.83	43.33	15.53	79.55	
M. SEMBILAN	14.6	39.6	27.1	81.3	15.3	38.4	24.0	77.7	25.4	42.9	16.1	84.4	25.0	42.99	14.54	82.53	24.44	40.98	15.07	82.47	24.44	40.98	15.07	82.47	
MELAKA	13.9	35.3	22.1	81.3	14.3	39.1	24.7	76.1	24.7	42.5	15.6	83.8	15.15	48.64	16.40	81.19	22.45	45.00	14.52	82.33	22.45	45.00	14.52	82.33	
JOHOR	11.5	37.4	28.9	77.8	11.4	36.3	27.2	74.9	20.2	42.4	13.1	81.7	20.49	42.76	17.15	80.4	19.35	43.21	16.79	79.95	19.35	43.21	16.79	79.95	
KELANTAN	9.8	29.4	29.8	69	8.4	25.7	26.7	60.8	16.1	34.6	21.5	72.2	14.79	32.86	21.02	68.67	12.45	31.79	15.50	67.21	12.45	31.79	15.50	67.21	
TERENGGANU	10.3	32.8	30.3	73.4	11.2	30.8	26.5	68.5	19.3	38.9	20.4	78.6	18.8	33.36	18.20	75.74	17.73	75.09	19.35	76.43	17.73	75.09	19.35	76.43	
KEDAH	7.8	31.5	32.6	71.9	7.4	27.8	29.6	64.8	13.6	38.3	24.2	76.1	12.99	39.68	19.75	72.42	12.45	37.62	21.33	71.4	12.45	37.62	21.33	71.4	

Dari data di atas, didapati pencapaian murid-murid di Negeri Sembilan merosot dari 81.3% (1976) kepada 77.7% (1977) iaitu sebanyak 3.6%. Tahun 1980, sekali lagi menunjukkan kemerosotan dalam pencapaian murid-murid iaitu kejatuhan sebanyak 2.04% dari tahun sebelumnya.

Faktor-faktor yang mungkin menyebabkan kemerosotan ini telah dibincangkan sebelum ini. Tetapi sejauh manakah dialek merupakan faktor yang menyebabkan kemerosotan itulah yang akan cuba dikaji dalam kajian ini. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Kedah yang dikatakan 'tebal' dengan dialek masing-masing, Negeri Sembilan juga mempunyai dialek yang tersendiri. Tetapi, data di atas menunjukkan prestasi pencapaian murid-murid di Negeri Sembilan adalah lebih baik dari di Kelantan dan Kedah. Malah dari data tersebut, jelas menunjukkan kedudukan prestasi murid-murid di Negeri Sembilan adalah setanding dengan negeri-negeri Selangor, Melaka dan Johor yang mempunyai variasi dialek yang kecil dari Bahasa Malaysia Standard. Oleh itu, sejauh manakah dialek Negeri Sembilan yang dianggap tebal itu menjadi faktor yang diandaikan menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian murid dalam pembelajaran mereka merupakan satu tanda tanya yang menarik.

Dalam masalah kemerosotan dalam pencapaian bahasa oleh murid-murid, selain dari faktor-faktor yang menyangkut murid-

murid, ibu bapa, masyarakat dan keadaan, maka faktor yang menyangkut pendekatan pengajaran juga banyak bertanggungjawab dalam masalah ini.

Untuk memecahkan masalah ini, kita perlu mencari satu pendekatan yang unggul tanpa menjadikan murid-murid sebagai mangsa yang dikategorikan sebagai murid-murid lembam. Di Amerika Syarikat, murid-murid yang dikategorikan sebagai murid-murid lembam ini ternyata setelah diuji berdasarkan ilmu linguistik terbukti mereka adalah murid yang cerdas dan normal. Jadi pendekatannyalah yang salah, bukan murid-muridnya.

Oleh itu kajian ini juga akan merangkumi beberapa teori dan pendekatan pengajaran bahasa. Pengajaran bahasa melibatkan empat perkara pokok iaitu; a) bahasa, b) murid atau pelajar, c) guru atau pengajar dan d) kaedah/pendekatan. Kebanyakan pendekatan ini diterapkan untuk pengajaran bahasa asing. Pendekatan-pendekatan ini sudah tidak asing lagi kepada guru-guru di Malaysia yang diterapkan dalam pengajaran bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia kepada penutur asing seperti bahasa Tamil dan Mandarin. Oleh itu, pendekatan-pendekatan ini juga dapat diterapkan dalam pengajaran Bahasa Malaysia kepada penutur-penuturnya yang berbilang (bidialektikal).

0.3 Kawasan Kajian

Pada tahun 1905, daerah (luak) Tampin telah bercantum dengan negeri-negeri kecil lain dan membentuk sebuah gabungan yang diberi nama Negeri Sembilan. Anggota-anggota lain dalam gabungan itu ialah:

- | | | |
|-------------------|-----------------|-----------|
| 1. Sungai Ujung | 2. Jelebu | 3. Rembau |
| 4. Johol dan Inas | 5. Ulu Muar | 6. Jempul |
| 7. Terachi | 8. Gunung Pasir | |

Dalam kawasan susunan adat yang di bawah kekuasaan Tunku Besar Tampin, terdapat lapan buah mukim iaitu Tampin Tengah, Repah, Keru, Tebung, Gemencheh, Air Kuning dan Gemas. Tidak dapat dikesan apakah nama asal tempat ini sebelum ianya bernama Tampin. Banyak terdapat cerita-cerita mengenainya seperti tempat ini asalnya dipanggil Hujung Bukit dan juga Siku Lurah. Bagaimana kemudiannya nama tempat ini bertukar menjadi Tampin menurut cerita adalah kerana terdapat sebatang pokok besar di tebing anak sungai yang mengalir airnya dari Ulu Eyor. Tiba-tiba pokok itu tumbang melintang anak sungai menyebabkan berlakunya banjir yang merosakkan tanam-tanaman. Peristiwa pokok tumbang ini menjadi buah mulut orang ramai dengan mengatakan; air sungai ditampan (dihalang) oleh pokok Tempoyan. Perkataan tampan dan tempoyan ini jadi sebutan berulang-ulang oleh penduduk setempat ini sehingga tempat ini

dinamakan 'Tampin' hinggalah sekarang (Abdul Samad Idris: 1968: 226 - 228).

Luas daerah ini ialah 87,868.8 hektar (sila lihat peta yang dilampirkan) dan jumlah penduduknya adalah seramai 58,465 orang. Penduduk Melayunya adalah seramai 46,671 orang. Di daerah ini terdapat berbagai golongan masyarakat yang terdiri dari petani (35%), penoreh getah atau pekebun kecil Melayu (25%), pekebun kecil Cina (10%), pekerja ladang (15%), peneroka (FELDA) (10%), Berniaga (5%) dan lain-lain (5%). Dari data di atas kita dapat membuat kesimpulan bahawa sumber ekonomi yang terbesar di daerah ini ialah dari bidang pertanian. Pendapatan terbesar dari hasil getah iaitu sebanyak 60%.

Di daerah ini, tidak terdapat kilang-kilang perusahaan kecuali kilang papan dan balak. Oleh itu anak-anak muda keluar merantau ke bandar bekerja di firma-firma dan perusahaan. Dengan itu, tenaga pekerja di sektor pertanian telah berkurangan. Keadaan ini bertambah buruk apabila tuan-tuan tanah di kampung-kampung pula memilih untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA. Oleh itu tanah-tanah kampung banyak yang terbiar.

Penulis merasa, daerah ini cocok untuk kajian kerana terangkul kedua-dua fenomena iaitu bandar dan luar bandar. Dari sini dapat nanti, penulis bandingkan pengaruh dialek antara bandar dan luar bandar.

DISTRICT OF

TAMPIN

Scale Two Miles to an Inch

DISTRICT OF KUALA PILAH

GENEMCHER

GENAS

BERAH


YEDONG

KERU

AYER KUNING

JOHORE

M A L A C C A



0.4 Kaedah Kajian

Untuk tujuan kajian ini, penulis akan melakukan pengumpulan data dengan menyelenggarakan satu bentuk soal-selidik yang diberikan kepada guru-guru Bahasa Malaysia. Sekolah-sekolah yang dipilih dikategorikan sebagai sekolah bandar dan luar bandar atau sekolah A dan sekolah B. Penulis juga akan cuba meneliti karangan-karangan dan buku-buku tulisan murid untuk mengkaji sejauh mana pengaruh dialek ini pada pembelajaran bahasa murid.

Untuk meninjau sejauh mana pengaruh dialek ini pada pihak murid kaedah digunakan meninjau impresi atau kesan dari pihak guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pemilihan guru-guru adalah dibuat secara rambang. Penulis juga akan membandingkan kesan pengaruh dialek antara sekolah bandar dan luar bandar. Dengan ini penulis ingin melihat sejauh manakah perbezaan pengaruh dialek antara sekolah bandar dan luar bandar dengan andaian bahawa sekolah bandar mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih, pergaulan murid yang lebih luas, latar belakang ibu bapa yang bekerja makan gaji dan pengaruh dari negeri lain. Selain dari itu, penulis juga akan melihat kemudahan perpustakaan di sekolah-sekolah tersebut.

0.5 Skop Kajian

Untuk tujuan kajian ini, penulis hanya menumpukan pada penggunaan dialek Negeri Sembilan di daerah Tampin sahaja. Dalam berinteraksi antara mereka, penduduk di daerah ini menggunakan dialek di setiap peringkat sosial dan umur. Kajian ini hanya tertumpu pada penggunaan dialek Negeri Sembilan di kalangan guru dan murid di daerah Tampin. Walau bagaimanapun, penggunaan dialek oleh murid hanya ditinjau dari impresi atau kesan guru sahaja, iaitu dari sudut fonologi, morfologi, leksis dan sintaksis. Penulis juga akan hanya menyemak buku-buku tulisan murid-murid Melayu sahaja untuk melihat sejauh mana pengaruh dialek pada pembelajaran BMS.

0.6 Masalah Kajian

Oleh kerana masalah pengaruh dialek kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard belum dapat dibuktikan oleh bukti-bukti linguistik (lihat Collins 1981: 97), maka terdapat kekurangan dalam bahan-bahan yang dapat dirujuk. Bahan-bahan yang ada lebih banyak yang berbentuk kajian.

0.7 Pentingnya Kajian

Terdapat persefahaman di kalangan tokoh-tokoh pendidikan tempatan khususnya dan masyarakat Malaysia amnya tentang pentingnya menguasai Bahasa Malaysia. Kepentingan ini jelas terutama sekali apabila kita menimbangkan matlamat sekali apabila

kita menimbangkan matlamat menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama sepenuhnya dari peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi menjelang tahun 1983. Antaranya itu, usaha-usaha masih dipergiatkan dalam mengatur strategi dan mencari jalan untuk meningkatkan taraf pencapaian penguasaan Bahasa Malaysia yang lebih tinggi di sekolah-sekolah kita.

Berita-bekas keputusan peperiksaan dan dari pengalaman guru-guru di Malaysia jelas menunjukkan kemerosotan prestasi pelajar-pelajar Melayu dalam pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Berbagai-bagai andaian dikemukakan dalam usaha mengatasi masalah ini dan antara faktor yang diandaikan menyebabkan kemerosotan ini termasuklah faktor dialek. Kajian-kajian di negara-negara lain menunjukkan bahawa masalah dialek adalah masalah sensitif yang menjadi 'language interference' dalam proses pembelajaran bahasa standard. Justeru itu timbul kajian-kajian di negara kita untuk mengkaji punca-punca kemerosotan prestasi murid dalam pelajaran Bahasa Malaysia mereka. Walau bagaimanapun kajian tentang pengaruh dialek terhadap proses pembelajaran Bahasa Malaysia Standard amat kurang dilakukan. Justeru itu, kajian ini merupakan percubaan dalam usaha untuk membuktikan pengaruh dialek kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard. Dengan itu, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan dalam usaha

mempertingkatkan lagi taraf bahasa Malaysia standard di negara ini.

BAB II : LINGUISTIK DAN PENGAJAHAN BAHASA

2.0 Pendahuluan

Linguistik adalah suatu sains yang mengkaji bahasa. Ia mengandungi teori-teori dan teknik-teknik menganalisis bahasa yang dipelajari oleh ahli-ahli bahasa untuk menganalisis satu-satu bahasa itu. Teori-teori dan teknik menganalisis bahasa itu dirumuskan oleh ahli-ahli bahasa berdasarkan pemerhatian-pemerhatian mereka terhadap bahasa. Dengan menggunakan teori-teori dan teknik-teknik dalam linguistik itu, seseorang ahli bahasa dipercayai dapat menghurai serta menganalisis satu-satu bahasa itu secara objektif.

Tetapi dalam penganalisan bahasa itu, terdapat juga aspek-aspek psikologi yang terlibat, terutama dalam perolehan bahasa, hubungan bahasa dengan berfikir, bagaimana kalimat-kalimat diproduksi dan dimengerti dan sebagainya. Oleh kerana itu kerjasama di antara psikologi dan linguistik adalah perlu dan mustahak agar hakikat bahasa yang sebenarnya dapat diketahui dengan baiknya.

Hasil dari kerjasama antardisiplin ini melahirkan ilmu baru yang dinamakan psikolinguistik, iaitu satu ilmu yang menghurai proses-proses psikologi yang terjadi apabila orang memakai kalimat-kalimat dan memahami kalimat-kalimat itu waktu berkomunikasi. Dalam kata lain ia mengkaji aspek-aspek psikologi bahasa dan ucapan.

Selain daripada itu, ilmu ini juga cuba mempelajari bagaimana seseorang mempelajari (belajar) bahasa kedua, bahasa ketiga dan seterusnya. Ia juga mempelajari pengaruh perolehan (penguasaan) beberapa bahasa

ialitu yang dinamai multilingualisme terhadap inteligens dan cara seseorang berfikir serta pengaruhnya terhadap persoalan-persoalan sosial, politik dan ekonomi dalam masyarakat.

Dewasa ini, didapati kedua-dua ilmu tadi tidak memadai dalam melaksanakan tugas yang berat itu. Oleh itu, perlu diadakan pendekatan yang multidisiplin yang menerapkan ilmu-ilmu lain seperti neuroanatomi, neurofisiologi, neuropsikologi dan neurobiologi bahasa. Pendekatan multidisiplin ini melahirkan satu ilmu baru iaitu Neurolinguistik.

2.1. Linguistik dan Sejarah perkembangan Pengajaran Bahasa (Kedua)

Impak sains linguistik ke atas pengajaran bahasa moden sudah terasa sejak tahun 1867 lagi, bila William Dwight Whitney (1827 - 1904) menghasilkan sebuah buku Language and the Study of Language. Tetapi kajian bahasa secara berdisiplin hanya bermula pada tahun 1910 apabila ahli-ahli anthropologi Amerika mula mengkaji bahasa orang-orang Indian Amerika, dan di antara mereka ini ialah tokoh-tokoh terkenal seperti Franz Boas dan Edward Sapir. (Simanjuntak 1971: 32).

Pada tahun 1925, Persatuan Linguistik Amerika mencipta teknik-teknik pembelajaran berdasarkan kepercayaan bahawa bahasa tulisan bukanlah hasil pertuturan sebenar tetapi sebaliknya, satu-satu cara mempelajari bahasa ialah dengan meniru setepat-tepatnya perbualan atau penutur-penutur asli bahasa tersebut. Berdasarkan kepercayaan ini, dijalankan kajian mencari cara-cara untuk mengajar bahasa moden, apakah

bahan yang diperlukan, apakah tujuannya, apakah kejayaannya dan apakah perubahan-perubahan yang perlu ke atas situasi masa itu. Hasil pengkajian ini telah dimuatkan dalam buku, Teaching of Modern Foreign Language in the United States oleh Algernon Coleman (1929).

(lihat simanjuntak 1971 : 32)

Dengan meletusnya Perang Dunia Kedua, keadaan pada waktu itu telah memaksa satu cara pengajaran bahasa yang dinamakan Army Specialised Training Programme yang berdasarkan pada satu teori pembelajaran baru yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh seperti Bloomfield, Sapri, Boas dan lain-lain. Pada tahun-tahun 1940an dan 50 an, semua pihak boleh dikatakan telah bersetuju, bahawa teori dan penyelidikan dapat memberi sumbangan yang besar terhadap pengajaran bahasa asing, bahkan tanpa linguistik pengajaran bahasa asing tidak akan berjaya. Pengaruh Linguistik struktur dan psikologi behaviorisme terhadap pengajaran bahasa agak besar dengan lahirnya pendekatan-pendekatan moden pada waktu itu yang diberi berbagai-bagai nama seperti 'Pendekatan Linguistik', 'Pendekatan Tentera', 'Pendekatan Aural-Oral' dan terakhir 'Pendekatan Audio-Lingual', untuk menggantikan pendekatan yang tradisional terutama pendekatan Tatabahasa Terjemahan.

Kemudian sesudah perang, guru-guru mula meragui pendekatan-pendekatan moden di atas. Setelah dikaji ternyata kejayaan pengajaran bahasa pada waktu perang itu bukanlah disebabkan oleh pendekatan moden tersebut saja, tetapi terutama oleh motivasi dan usaha yang kuat oleh murid dan keadaan perang yang mendesak. Ladj (1957), cuba menyakinkan

Guru-guru bahasa linguistik dan teori linguistik sangat berguna untuk pengajaran bahasa asing terutama jika analisis perbandingan di antara bahasa sasaran dan bahasa pribumi dilakukan berdasarkan rumus-rumus linguistik. Ternyata ini tidak membantu tetapi sebaliknya menyukarkan lagi tugas guru. (Simanjuntak 1978 : 575)

Guru-guru bahasa terus mencari teori linguistik yang diharapkan dapat membantu dan kebetulan pula teori Transformasi Generatif Chomsky baru saja diperkenalkan dan bahkan dianggap sebagai satu revolusi dalam Linguistik. Kebetulan pula teori Transformasi Generatif (TG) ini seiring dengan teori psikologi Kognitif. Maka lahirlah satu pendekatan baru yang dinamakan Pendekatan Kognitif, yang boleh dikatakan dipengaruhi oleh teori TG dan psikologi Kognitif.

Pentingnya teori linguistik dalam pengajaran bahasa telah ditekankan kembali oleh Oller dan kawan-kawannya dengan mengemukakan bahawa tujuan utama teori linguistik ialah untuk memberikan huraian atau diskripsi bahasa sebagai satu sistem dan membuktikan penjelasan tentang bagaimana penutur bahasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa itu. Pendapat ini diperkuatkan lagi oleh Pollitzer (1964) yang mengatakan bahawa linguistik dan psikologi pendidikan seharusnya merupakan alat-alat yang dapat digunakan oleh guru-guru bahasa untuk mencipta dan membenarkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh mereka. Semua hal ini selaras dengan anjuran Chomsky (1966) dalam Northeastern Conference (1966), ide-ide dan usul-usul dalam teori linguistik dan psikologi belajar harus dinilai menurut kegunaan dan kebaikannya, dan

tidak secara pasif terus menerimanya (Oller 1969). Pollutzer (1964), Chomsky (1966) dalam Simanjuntak 1978: 575 -- 576.


Anjuran Chomsky di atas telah ditanggapi dengan baik oleh spesialis-spesialis pengajaran bahasa dan psikolinguistik yang berminat pada pengajaran bahasa. Mereka ini berusaha mengkaji bahasa tidak lagi dari sudut performance seperti yang dilakukan oleh Chomsky dan pengikut-pengikutnya tetapi dari sudut ekstralinguistik yang turut membentuk bahasa itu. Maka lahirlah pendekatan baru yang dinamai Pendekatan Pragmatik yang menekankan hubungan di antara unit-unit Linguistik dengan faktor-faktor nonlinguistik.

2.2. Teori-teori Linguistik dan aliran-alirannya

Sebenarnya terdapat ramai teoris-teoris linguistik yang terkenal di antara mereka ialah Wilhelm von Humboldt, Ferdinand de Saussure, Leonard Bloomfield, Rupert Firth, Kenneth Pike dan Noam Chomsky. Di antara mereka, Bloomfield mewakili Behaviourisme, dan Chomsky mewakili Mentalisme iaitu dua aliran psikologi terpenting dalam linguistik, sedangkan Firth boleh dianggap mewakili aliran baru dalam psikolinguistik terapan terutama dalam pengajaran bahasa iaitu Pragmatisme yang sekarang semakin kuat pengaruhnya. De Saussure merupakan tokoh yang meletakkan dasar linguistik moden dan mengakui ketiga-tiga aliran di atas di dalam teorinya (Simanjuntak 1971: 101)

Pada hakikatnya aliran-aliran Behaviourisme dan Mentalisme saling bertentangan di antara satu dengan lain. Mentalisme menganggap


bahasa sebagai pengetahuan iaitu sebagai milik saraf atau otak, sedangkan Behaviourisme menganggap bahasa sebagai perangai (behaviour), iaitu merupakan kegiatan manusia dalam lingkungan. Mentalisme dalam linguistik berpendapat bahawa bahasa adalah pengetahuan yang dihasilkan oleh sesuatu proses dalam otak dan saraf setelah menerima bahan baku dalam bentuk perangsang dari indera-indera seperti mata, telinga dan lain-lain yang dalam psikologi dilukiskan seperti : stimulus - organisme - respon (S - O - R) (Lihat Rajah 1). Jadi menurut aliran ini yang perlu dikaji ialah proses yang terjadi dalam otak dan saraf yang membentuk dan menghasilkan bahasa itu. Dalam kajiannya Mentalisme mempelajari seluruh proses-proses yang tersembunyi yang terlibat dalam produksi bahasa sehingga bersifat agak abstrak dan didasarkan pada intuisi dan introspeksi, sedangkan Behaviourisme hanya mengkaji data-data iaitu kalimat-kalimat yang dapat diamati dan diukur.



Rajah 1: Aliran Mental (S - O - R)

(Mangantar Simanjuntak 1971 : 102)

Behaviourisme berpendapat bahawa otak itu merupakan kotak gelap dan apa yang terjadi di dalamnya tidak dapat diamati. Oleh itu tidak relevan dalam penyelidikan linguistik. Apa yang relevan hanyalah bahasa dalam bentuk-bentuk kalimat sebagai perangai kerana dapat diamati dan diselidik secara langsung : stimulus - respon (S- R) (Lihat Rajah 2).



Rajah 2: Aliran Perangai (S-O)

(Simanjuntak 1977: 102)

Aliran Pragmatisme pula menekankan hubungan-hubungan di antara unit-unit linguistik dengan faktor-faktor nonlinguistik, seperti benda-benda yang diperkatakan, keadaan alam yang sebenarnya, manusia-manusia lain dan sebagainya. Menurut Firth, dalam pengertian linguistik yang paling penting dipelajari ialah konteks. Menurut teori linguistik ini, bahasa adalah satu susunan daripada konteks-konteks fonologi, konteks morfologi, konteks leksikon dan konteks situasi di mana tiap-tiap konteks

ini mempunyai peranan sebagai lingkungan untuk unsur-unsur atau unit-unit pada tiap-tiap tingkat bahasa itu. Susunan daripada konteks-konteks ini membentuk satu totaliti dari kegiatan yang penuh erti, tiap-tiap unsur pada tiap-tiap tingkatan mempunyai erti yang dapat dibedakan dan dianalisa.

Kedua aliran iaitu Behaviourisme dan Mentalisme timbul akibat dari pengaruh dua keluarga teori yang sangat kuat dalam ilmu psikologi iaitu keluarga teori Asosiasi Perangsang-Laku dan keluarga teori Kognitif yang juga dikenali sebagai Medan Gestalt. Kedua keluarga teori belajar ini sekarang dinamai teori belajar abad kedua puluh yang berusaha mendobrak teori-teori abad kesembilan belas yang diungguli oleh teori-teori Herbart.

Teori-teori Asosiasi Perangsang-Laku, terutamanya teori Behaviourisme menganggap pembelajaran sebagai satu ciri pola-pola tingkahlaku yang boleh dilihat dalam keadaan teratur dan boleh diramalkan. Konsep yang penting dalam Behaviourisme ialah konsep 'kebiasaan' (habit). Sedangkan teori-teori kognitif cenderung untuk melihat pembelajaran sebagai perkembangan suatu siri kognisi mengenai persekitaran dan organisasi. Konsep-konsep tipikal teori-teori kognitif ialah persepsi dan wawasan.

2.3. Pendekatan-Pendekatan Pengajaran Bahasa

Berdasarkan ketiga-tiga aliran teori linguistik yang telah diterangkan kita dapat membedakan pula tiga keluarga pendekatan

pengajaran bahasa yang selaras dengan aliran-aliran teori tadi. Kita akan dapati pendekatan Audio-Lingual selaras dengan aliran Behaviourisme, pendekatan kognitif dengan aliran Mentalisme dan pendekatan Pragmatik dengan aliran Pragmatisme.

Sehingga dewasa ini, ahli-ahli psikolinguistik masih mencari-cari satu pendekatan pengajaran bahasa yang terbaik. Sebenarnya tidak ada satu pendekatan tunggal yang paling sesuai dalam pengajaran bahasa, malah terdapat banyak pendekatan-pendekatan selagi objektif utamanya tidak berubah.

Semua teori linguistik penting bagi seorang guru bahasa tidak untuk diikuti secara dogmatik tetapi untuk disesuaikan dengan insting, intuisi dan hiruistiknya, kemudian mencuba menciptakan satu kaedah pengajaran bahasa yang disokong oleh bermacam-macam teknik yang diperolehi secara iktektikal dan disesuaikan dengan keadaan (Simanjuntak 1978: 126).

Dewasa ini, terdapat kecenderungan-kecenderungan dan perkembangan-perkembangan baru dalam bidang psikolinguistik yang berhubung langsung dengan pengajaran bahasa yang semakin kuat pengaruhnya untuk mendasarkan kaedah pengajaran bahasa atas faktor-faktor ekstra-linguistik yang membentuk bahasa itu. 'Pragmatic' mengkaji hubungan-hubungan dan peranan serta persamaan di antara bentuk-bentuk linguistik dan konteks dan meliputi sintaksis dan semantik.

Pada tahun 1976, Mangantar Simanjuntak telah mencipta satu

pendekatan baru yang dinamai APTA (Artificial Pragmatic Transcoding Approach) dan OPTA (Original Pragmatic Transcoding Approach). Menurut beliau (1981: 7), APTA telah didasarkan pada penemuan-penemuan terakhir dalam neurolinguistik (lebih tepatnya neuropsikolinguistik). Pendekatan ini merupakan gabungan dan perbaikan pada Pendekatan Kognitif dan Pendekatan Pragmatik sesudah penemuan-penemuan neuropsikolinguistik diintegrasikan ke dalamnya (lihat Dewan Bahasa, Oktober 1979).

2.2.1 Keluarga Teori Asosiasi Perangsang-Laku

Tokoh-tokoh penting dari keluarga teori Asosiasi Perangsang Laku ini adalah John B. Watson (1878 - 1958), Edward L. Thorndike (1874 - 1949), B.F. Skinner (1904 -) dan E.R. Guthrie (1886 -). Psikologi Watson terkenal dengan nama koneksionisme, sedangkan Skinner dan Guthrie digolongkan ke dalam neobehaviourisme. Sebenarnya teori-teori ini hanya berbeda dari segi nama sahaja sedangkan semua teori-teori ini bertitik tolak dari dasar yang sama. Oleh kerana itu semuanya digolongkan ke dalam satu keluarga teori yang besar iaitu Asosiasi Perangsang-Laku.

Dari eksperimen 'trial and error' yang dilakukan oleh Thorndike ke atas seekor kucing, beliau membuat kesimpulan bahawa pembelajaran adalah satu proses yang menghubungkan di dalam sistem saraf dan tidak ada hubungan sama sekali dengan 'insight' (pengertian dalam). Kerana itu teori belajarnya dinamai 'connectionism' atau 'S - R bond theory'. Yang dihubungkan di dalam sistem saraf ini adalah peristiwa-peristiwa fizik dan mental dalam proses

belajar itu. Yang dimaksudkan dengan peristiwa mental adalah segala sesuatu yang dapat dirasa oleh fikiran sedangkan peristiwa-peristiwa fizik adalah perangsang (stimulus) atau laku (response).

Hasil dari eksperimennya dengan binatang-binatang, Thorndike merumuskan dua hukum belajar yang fundamental iaitu "the law of exercise" dan "the law of effect". "The law of exercise" ini dapat dimengertikan sebagai hukum pembentukan kebiasaan yang dibahagi ke dalam dua bahagian iaitu "the law of use" dan "the law of disuse". Dalam "the law of use" dianggap hubungan antara perangsang (P) dan laku (L) akan menjadi semakin kuat melalui 'exercise' (latih ulang) dan akan lebih sering lagi diulang atau terjadi. Jika dalam situasi ini P jarang pula diikuti oleh L maka hubungan di antara keduanya akan menjadi lemah.

Yang dimaksudkan oleh Thorndike dengan "the law of effect" sekarang lebih dikenali dengan istilah 'reinforcement'. Jika sesuatu laku memberikan hasil yang memuaskan maka hubungan di antara situasi dan laku itu akan diperkuat, laku akan cenderung diulang. Sebaliknya, jika hasilnya tidak memuaskan maka laku itu akan jarang terjadi atau tidak terjadi sama sekali. Hubungan di antara stimulus dan laku (L) harus diulang berkali-kali secara teratur agar L lebih lancar terjadi.

Skinner pula terkenal dengan prinsip-prinsip teori pengajaran-nya yang dinamakan 'operant conditioning'. Dari prinsip-prinsip ini teori ini lahir cara pengajaran dengan mesin atau alat-alat pengajaran otomatis dan apa yang dinamakan 'programmed instruction'. Di dalam eksperimennya dengan seekor tikus tingkah laku yang dikondisikan ber-


sifat 'operant' atau 'instrumental' menyebabkan munculnya makanan. Tingkah laku yang 'operant' mempunyai pengaruh terhadap lingkungan dan lingkungan ini memberikan hadiah (biji-biji makanan) kepada organisme (tikus) yang mengeluarkan laku tersebut. Hadiah inilah yang menyebabkan organisme lebih cenderung melakukan 'reinforcing event' (peristiwa pengukuhan). Dalam eksperimen ini tikus menjadi cenderung menekan batang besi yang menyebabkan munculnya biji-biji makanan. Dari eksperimen ini, Skinner membuat kesimpulan bahwa sesuatu laku dan 'reinforcement' harus cepat terjadi sebelum tingkah laku lain mengganggu agar keaktifan yang maksima dapat diperoleh.

Skinner mendakwa bahawa proses yang fundamental ini adalah sama pada binatang dan manusia. Di dalam 'operant conditioning', guru dianggap sebagai akitek utama dalam pembentukan tingkah laku murid. Dalam pengajaran bahasa juga, guru harus membentuk tingkah laku murid sedemikian rupa sehingga bercakap (bertutur) yang menjadi tujuan pengajaran Bahasa (asing) dilakukan oleh murid berulang-ulang. Menurut Skinner lagi, yang paling penting harus kita perhatikan ialah korelasi di antara 'stimulus' dan 'response' yang langsung dapat diamati dan jangan memikirkan hubungan-hubungan mental antara keduanya kerana hubungan mental tidak dapat diamati.

2.2.2 Keluarga Teori Belajar Medan Gestalt

Tokoh-tokoh utama dalam keluarga teori Medan Gestalt ini adalah Max Wertheimer (1880 - 1943), Wolfgang Kohler (1887 -), Kurt Koffka (1886 - 1941) dan Kurt Lewin (1890 - 1947). Menurut psikologi

Medan Gestalt ini, belajar adalah suatu proses memperoleh 'insight'. Psikologi ini menganggap bahawa interaksi antara manusia dan lingkungannya terjadi secara serempak dan segera. Inilah yang dinamakan 'field' (medan).



manusia dan lingkungan saling mempengaruhi

Dunia _____ Dunia _____ Tingkah Laku
(sebagai yang dialami) (Behaviour)

Konsep dasar psikologi Medan Gestalt (Simanjuntak 1978: 27)

'Gestalt' itu dapatlah diertikan sebagai 'keseluruhan' atau 'konfigurasi' dari pengamatan. Jadi Gestalt bererti bahawa di dalam pengamatan fikiran tidaklah membentuk pengamatan keseluruhan dari bahagian-bahagian kecil benda yang diamati itu akan tetapi segera melihat keseluruhan benda itu barulah kemudian bahagian-bahagian kecilnya (Simanjuntak 1978: 27).

Sebenarnya psikologi Gestalt ini adalah merupakan satu bahagian penting dari satu keluarga yang lebih besar iaitu keluarga

Psikologi Kognitif. Pada permulaannya teori Gestalt ini adalah merupakan reaksi keras terhadap prinsip-prinsip eksperimen 'trial and error' yang menghilangkan sama sekali prinsip kesadaran. Hal ini dianggap oleh teori Gestalt sebagai satu kesalahan besar. Menurut Max Wertheimer (1912), teori pembelajaran hanya mungkin mempunyai makna apabila kesadaran diikuti sertakan sebagai satu unsur yang tidak terpisah dari persepsi dan pembelajaran. Menurutnya lagi, kita tidak melihat dunia ini sebagai satu set hubungan-hubungan atau set mata rantai tanpa struktur dalam, tetapi merupakan satu keseluruhan yang bermakna yang kemudian dapat dipisahkan dengan satu analisa struktur buatan. Menurut Koffka (1922, 1924) pula, otak manusia pada waktu lahir belumlah lengkap secara fizik dan belum matang. Perkembangan otak selanjutnya ditentukan oleh pembelajaran dan proses pematangan dan proses inilah yang memberi kapasiti kepada pembelajaran untuk berkembang.

Jadi kerangka persepsi teori Medan Gestalt adalah 'nurani' (innate) atau ditentukan oleh proses pematangan dan dimiliki khas oleh manusia. Oleh itu, mengenyakan kesadaran dalam pembelajaran tidak dapat diterima oleh teori ini sama sekali. Bahkan, dalam bentuk primitif atau sederhana, binatang juga mempunyai kerangka persepsi. Dalam perkataan lain, binatang juga mampu mempunyai 'insights' seperti yang telah dibuktikan oleh Kohler (1927, 1925) dalam eksperimennya ke atas seekor chimpanzee.

Menurut Köhler (1947), yang perlu untuk pencapaian 'insights',

baik pada manusia maupun binatang ialah penguasaan situasi yang cukup dan pengertian bagaimana elemen-elemen situasi dapat bersesuaian satu sama lain, dan satu hal yang penting ialah kemampuan membebaskan diri dari konsep 'functional fixedness' yaitu konsep bahawa satu benda hanya mempunyai satu fungsi. Dalam eksperimen Kohler, chimpanzee itu harus memindahkan satu benda (alat) dari satu situasi dan memakainya pada situasi yang lain. Inilah salah satu bukti yang lebih kompleks, bahawa 'insights' memegang peranan dalam pembelajaran dan pemecahan masalah.

Walau bagaimanapun teori Gestalt tidak menganggap bahawa semua pemecahan masalah menyangkut 'insight' ini dan juga teori ini tak mengenyahkan pentingnya pengalaman. Teori ini mengakui adanya pembelajaran 'trial and error' tetapi ini dilakukan dengan kesedaran. Di samping pengalaman, perlu adanya kemampuan melihat hubungan-hubungan di antara elemen-elemen situasi dan membentuk satu organisasi dari hubungan-hubungan ini. Dalam tiap-tiap proses pembelajaran dan pemecahan masalah, kapasiti membentuk struktur yang penuh erti dari lingkungan atau situasi sangat diperlukan dan kapasiti ini adalah milik nurani tiap-tiap organisme.

Kejayaan terbesar dalam teori Gestalt adalah dalam bidang persepsi yang sama sekali tidak dapat diterangkan oleh teori Asosiasi Perangsang-Laku. Persepsi adalah merupakan satu kesedaran yang bulat yang diperoleh oleh akal melalui proses indera-indera apabila satu perangsang tertentu berhadapan dengan indera-indera itu dan hal ini

dapat terjadi kerana peranan latar belakang perangsang dan kemampuan membuat organisasi seperti yang diterangkan di atas. Menurut teori Gestalt ini, tiap Gestalt (konfigurasi) lahir sebagai satu figur yang dipertentangkan dengan satu latar belakang dan persepsi membuat satu organisasi yang segera dari keduanya (Simanjuntak 1978: 31).

Teori Gestalt ini telah berjaya melahirkan beberapa hukum organisasi dalam bidang ini. Satu daripada hukum utamanya dinamai hukum *Pragnanz* dan empat hukum tambahan iaitu Kesamaan (*Similarity*), Proksimiti (*Proximity*), Penutupan (*Closure*) dan Kelanjutan Baik (*Good Continuation*).

2.2.2.1 Hukum Pragnanz (the law of good figure)

Hukum *Pragnanz* ini adalah satu prinsip keseimbangan yang mengemukakan bahawa tiap pengalaman cenderung menyempurnakan dirinya menjadi sesuatu dalam keadaan yang sebaik mungkin, iaitu Gestalt yang sempurna. Satu Gestalt yang sempurna selalu berbentuk sederhana, teratur, kukuh atau stabil dan merupakan satu organisasi struktur yang maksimum dari peristiwa-peristiwa atau benda. Ketidak teraturan cenderung dibuang untuk mencapai keteraturan. Dalam kegiatan linguistik kita sering mendengar kalimat-kalimat yang tidak sempurna tetapi kita selalu cenderung menangkap Gestalt yang sempurna dari kalimat-kalimat tersebut dan membuang unsur-unsur yang merosakkan Gestalt itu. Begitu juga dalam perolehan bahasa pertama di mana kanak-kanak membentuk Gestalt yang sempurna melalui persepsinya dari data-data linguistik yang didengarnya untuk menurunkan tatabahasanya.

2.2.2.2 Hukum Kesamaan


Hukum Kesamaan atau persamaan menerangkan bahwa dalam persepsi situasi perangsang penuh, benda-benda cenderung membentuk atau bergabung dalam kelompok-kelompok atau keseluruhan. Dalam pembelajaran bahasa, kata-kata atau suku kata yang mempunyai persamaan lebih mudah dipelajari dari kata-kata atau suku kata yang tidak mempunyai persamaan. Persepsi cenderung melihat dengan cepat persamaan-persamaan di antara benda-benda dan terus menggabung benda-benda yang bersamaan itu. Hukum Persamaan ini mempunyai implikasi yang penting dalam pengajaran bahasa. Misalnya, kata-kata yang mempunyai persamaan dapat digabungkan di dalam kalimat-kalimat dengan sintaksis yang bersamaan untuk memudahkan proses pembelajaran bahasa itu. Begitu juga ungkapan-ungkapan atau ekspresi-ekspresi yang bersamaan ertinya diajarkan pada waktu yang sama. Terutama sekali dalam pelajaran bahasa, hukum ini sangat bermanfaat.

2.2.2.3 Hukum Proksimiti atau Kedekatan

Persepsi kita cenderung menggabungkan benda-benda, peristiwa-peristiwa dan hal-hal yang berdekatan dalam satu ruang atau waktu. Implikasi hukum Proksimiti ini terhadap pengajaran bahasa ialah bahwa kata-kata atau frasa-frasa dan ungkapan yang bersamaan ertinya hendaklah muncul bersama-sama dalam masa-masa yang teratur menurut hukum Proksimiti agar lebih mudah dipelajari dan diingat. Apabila bahan-bahan ini sering muncul bersama-sama pada masa yang teratur dan tidak terlalu lama jaraknya maka pembelajaran akan lebih mudah, lancar dan cepat.

2.2.2.4 Hukum Penutupan

Hukum ini merupakan satu ciri yang istimewa dalam hukum 'Pragnanz' kerana itu keduanya saling berkaitan. Hukum Penutupan berbunyi, bahawa bidang-bidang yang tertutup (maksudnya selesai dan wujud) adalah lebih stabil dan mudah untuk membentuk figur-figur dalam persepsi dibandingkan dengan bidang-bidang yang terbuka (maksudnya belum selesai atau wujud). Jadi menurut hukum ini ada satu kecenderungan nurani pada persepsi untuk mencapai satu bentuk yang wujud dan erti yang pasti dari apa saja yang kita amati. Hal ini selaras dengan Hukum Pragnanz di mana, pengalaman cenderung melengkapkan dirinya agar menjadi sebaik mungkin.



FIGUR 1



FIGUR 2



FIGUR 3



FIGUR 4

(lihat dalam Simanjuntak 1978: 33)

Sebagai contoh, perhatikan gambar-gambar di atas. Keempat figur di atas sebenarnya masih terbuka iaitu belum selesai atau belum wujud. Tetapi persepsi kita lebih cenderung mencapai satu bentuk yang wujud dan erti yang pasti kerana benda-benda tertutup lebih stabil dalam persepsi. Tambahan pula persepsi cenderung mencari kesempurnaan.

Dengan kata lain, kita selalu melihat satu keseluruhan, satu totaliti, bukan bahagian-bahagian yang terpisah. Maka pada figur 1, kita melihat sebuah segi tiga, pada figur 2, seekor tikus, pada figur 3, seekor burung terbang dan pada figur 4, seekor ikan.

2.2.2.5 Hukum Kelanjutan Baik

Hukum ini juga merupakan satu ciri khas dari Hukum Prägnanz dan hampir sama dengan Hukum Penutupan. Menurut Wertheimer, persepsi kita cenderung melengkap bahagian-bahagian yang hilang dari peristiwa-peristiwa atau benda-benda yang kita amati. Jadi organisasi persepsi cenderung bekerja dengan cara di mana garis lurus kelihatan berlanjutan sebagai garis lurus, satu bahagian dari lingkaran sebagai satu lingkaran dan seterusnya. Kesimpulannya, hukum ini menyatakan bahawa kita cenderung mengigati kejadian-kejadian atau benda-benda sebagai telah selesai, teratur, jadi sebagai Gestalt yang baik.

2.3.1 Pendekatan Audio-Lingual

Dalam proses pembelajaran bahasa ada pendekatan yang dapat digunakan oleh para pendidik. Satu daripada pendekatan pengajaran bahasa yang dapat digunakan oleh guru di sekolah ialah Pendekatan Audio-Lingual (PAUL), yang juga dikenali sebagai Aural-Oral Approach, Army Method dan juga The Oral Approach. Dari segi sejarahnya, kelahiran pendekatan ini pada awalnya semata-mata untuk memenuhi keperluan mengajar bahasa asing kepada tentera-tentera Amerika. Kurikulum ini disebut sebagai "Army Specialised Training Programme".

Prinsip yang dipegang untuk melahirkan pendekatan Audio-Lingual ini didasarkan pada teori psikologi bahwa bahasa berarti bertingkah laku. Oleh sebab itu kebolehan bertutur merupakan hasil daripada satu proses menanam kebiasaan. Menurut teori Behaviourisme, proses belajar yang fundamental adalah sama pada binatang dan manusia. Bahkan Watson, menegaskan tidak ada garis pemisah di antara manusia dan binatang. Dalam hubungan ini, menurut teori Behaviourisme proses yang terjadi dalam otak sewaktu pembelajaran tidak dapat diamati maka ianya tidak boleh dimasukkan dalam kajian psikologi.

Menurut Wilga M. Rivers (1968: 20), pendekatan ini yang juga dikenali sebagai 'fundamental skill methods' lahir berasaskan Pendekatan Psikologi Behaviourisme dan teori yang dipelopori oleh Bloomfield dan teori psikologi yang dipelopori oleh Skinner, Watson dan Guthrie. Prinsip yang dipegang oleh PAUL ialah pembelajaran bahasa sama sahaja dengan pembelajaran-pembelajaran lain. Prinsip ini dianut dengan meluas di kalangan ahli-ahli bahasa sesudah Bloomfield.

Menurut Watson, proses berfikir sebenarnya adalah kebiasaan-kebiasaan gerak (motor habits) di dalam kotak suara (larynx) dan perubahan-perubahan dalam pembaikan dalam proses berfikir dihasilkan dengan cara yang sama seperti perubahan-perubahan pada kebiasaan-kebiasaan lain. Seperti proses pembelajaran yang lain tidak ada perbedaannya dengan proses pembelajaran bahasa, walaupun ianya lebih kompleks. Berbahasa juga seperti pembelajaran yang lain terjadi dari 'conditioned responses'. Prinsip dalam pendekatan ini ialah berbahasa seperti bertingkah laku, maka, kebolehan bertutur merupakan satu proses

menanam kebiasaan (conditioning) (Primsleur, Paul dan Quinn, Terence 1978: 115).

Brooks, seorang yang ahli dalam pendekatan ini, mengakui bahwa tidak ada satu pendekatan tunggal yang paling sesuai, salah sebenarnya banyak pendekatan yang berkesan yang dapat digunakan dalam proses pembelajaran selagi objektifnya tidak berubah. Proses pembelajaran bahasa menurut Brooks, adalah satu disiplin yang mempunyai objektif, aturcara, isi dan pencapaian yang direncanakan (Md. Yasin Abd. Majid 1980: 15). Objektif utamanya ialah untuk mendapatkan sesuatu budaya yang menggunakan bahasa itu.

PAUL menilai bahasa sebagai tingkah laku yang dapat dibentuk melalui pelaziman yang diusahakan bersungguh-sungguh. Pelajar-pelajar dianggap dapat menguasai tatabahasa dan bacaan melalui pola dan bukan mengetahui prinsip-prinsip tatabahasa dan hubungan di antara lambang-lambang dan bunyi. Oleh yang demikian, pelajaran bahasa dan bacaan harus menitik beratkan pola struktur bahasa itu.

Terdapat empat andaian asas yang dapat dirumuskan dalam PAUL iaitu:

1. Proses pembelajaran bahasa adalah satu proses mekanik yang melibatkan pembentukan perlakuan
2. Kemampuan bahasa mampu dikuasai sekiranya dipelajari bentuk-bentuk lisan dahulu sebelum mengetahui bentuk-bentuk tulisannya
3. Cara menganalogi dalam pembelajaran bahasa memberi asas yang lebih kukuh daripada cara menganalisa

4. Pengertian kata-kata di dalam sesuatu bahasa dapat dipelajari dengan mengetahui tempat bahasa itu digunakan (Md. Yassin Abd. Majid 1980: 19).

Dalam pendekatan ini, terdapat beberapa ciri atau prinsip dan diantaranya ialah Awang Sarayan 1978: 500):

1. Pelajaran diberikan dalam bentuk lisan terlebih dahulu sebelum diberikan dalam bentuk bacaan dan tulisan
2. Pengajaran didasarkan pada analisa kontrastif tentang bahasa ibunda pelajar dan tentang bahasa sasaran
3. Pelajaran disampaikan secara latihan pola (pattern practice)
4. Situasi yang dapat dijadikan rangsangan haruslah diwujudkan
5. Menulis dalam bahasa asing yang dipelajari haruslah dibatasi pada pola-pola yang telah diberikan sahaja
6. Penggunaan alat pandang dengar seperti alat perakam, 'film slide' dan lain-lain sangat penting.

Prinsip yang pertama menekankan pentingnya pendengaran dan pertuturan dalam proses pembelajaran bahasa. Bacaan dan tulisan hanya sesuai dititik beratkan setelah pelajar-pelajar mahir dalam pertuturan dan pendengaran. Mulanya, guru akan mengucapkan ayat beberapa kali dan pelajar-pelajar mendengar serta mengucapkannya. Proses ini dilakukan berulang-ulang kali sehinggalah pelajar-pelajar mahir.

Prinsip kedua dalam pendekatan ini ialah membandingkan struktur-struktur tatabahasa sasaran dengan struktur-struktur bahasa

ibunda pelajar. Kajian konstrastif ini menghasilkan bahagian kedua bahasa yang ada persamaan dan perbezaannya. Dengan pengetahuan tersebut, guru dijangka dapat mengatasi masalah kekeliruan terhadap struktur bahasa sasaran yang disebabkan pengaruh bahasa ibunda.


Prinsip ketiga menganjurkan pengajaran secara memberikan latihan pola struktur (structural pattern drill). Dengan cara ini pelajar-pelajar dianggap dapat mengatasi tatabahasa melalui latihan dan bukan mengetahui dulu prinsip-prinsip tatabahasa itu.

Prinsip yang keempat ialah bahasa pengajaran bahasa itu mestilah dilakukan dengan mengaitkan pola-pola ayat dengan hal-hal sekitaran. Misalnya, pelajar-pelajar diberikan latihan yang dipetik daripada dialog yang menarik. Prinsip ini dapat dikaitkan terus dengan prinsip keenam, iaitu penggunaan alat-alat pandang dengar yang dianggap dapat menghilangkan rasa bosan pelajar-pelajar terhadap suara guru dan dapat menghasilkan ransangan yang kuat oleh sifat-sifat tertentu alat-alat itu sendiri.

Prinsip kelima, berkaitan dengan pelajaran yang bercorak penulisan. Dalam prinsip ini ternyata adanya kawalan terhadap latihan menulis. Pelajaran menulis haruslah dibataskan pada pola-pola yang telah diberikan. Kebolehan penulis pelajar-pelajar haruslah disesuaikan dengan tingkat pelajaran yang mereka dapati. Oleh sebab itu, pendekatan Audio-Lingual itu mengandungi tiga tingkat pelajaran tulisan: peringkat penulisan terkawal, peringkat penulisan secara berpandu dan peringkat penulisan bebas (Woo Seng Hwa 1968: 71).

Peringkat penulisan yang terkawal menunjukkan peniruan struktur-struktur bahasa oleh pelajar-pelajar di mana pelajar-pelajar dilatih membuat ayat dari perkataan-perkataan tertentu. Peringkat penulisan secara berpandu pula menunjukkan pelajar sedang dalam latihan menggunakan keupayaan meniru pola-pola dalam konteks yang lebih luas. Pada peringkat penulisan bebas pula pelajar-pelajar dianggap berupaya menggunakan kebolehan menguasai pola-pola bahasa dalam sebarang konteks.

Beberapa teknik yang digunakan dalam pendekatan ini iaitu: peniruan (mimicry), penghafalan (memorization) dan latih tubi (pattern drill), sehinggakan ia menjadi tabiat kebiasaan. Teknik-teknik di atas digunakan dalam pendekatan Audio-Lingual, bertujuan mengajar bahasa sehingga meliputi kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur.



Rajah 3: Pendekatan Audio-Lingual - Konsentrasi pada tabiat pengucapan tanpa sedikit pengertian (Simanjuntak 1979: 21).

2.3.2 Pendekatan Kognitif


Apabila timbul kekacauan dalam memilih pendekatan pengajaran bahasa yang baik, Anthony (1963) dalam artikelnya 'English Language Teaching' menegaskan bahawa satu pendekatan adalah aksiomatik, kaedah bersifat prosedur dan teknik adalah implementasi kaedah di dalam kelas dengan pengertian bahawa kaedah dan teknik haruslah selaras dengan pendekatan. Pendekatan pengajaran bahasa pula harus didasarkan pada teori linguistik (Simanjuntak 1978: 576).

Maka, guru-guru terus mencari teori linguistik yang diharapkan dapat membantu. Kebetulan pula teori Transformasi Generatif (TG) baru saja diperkenalkan oleh Chomsky. Teori ini selaras dengan psikologi Kognitif terutamanya teori Gestalt. Maka, lahirilah satu pendekatan baru yang dinamai Pendekatan Kognitif (FK) yang boleh dikatakan dipengaruhi oleh teori (TG) dan psikologi kognitif (Carrol 1966: 102).

Teori perolehan bahasa mentalisme/kognitif sebagaimana huraian yang dibuat oleh Chomsky adalah didasarkan kepada suatu mekanisme nurani untuk pembelajaran bahasa iaitu LAD (Language Acquisition Device). Kebolehan inilah yang memungkinkan kanak-kanak membentuk rumus-rumus struktur bahasa yang didedahkan kepadanya, walaupun proses penguasaan berlaku secara tidak disedari (Mc Neil 1970, 1973, Menyuk 1971).

Menurut Chomsky (1968: 64), bahasa tidak diperoleh melalui latihan tetapi adalah satu gejala perkembangan dan kematangan kapasitas-kapasiti yang sedia ada secara relatif. Dan bentuk bahasa yang diperoleh sebahagian besarnya ditentukan oleh faktor-faktor dalaman (internal factors) kapasitas nurani. Bagi Chomsky, bahasa mengandungi ciri-ciri kreativiti. Manusia mempunyai kemampuan memproduksi kalimat-kalimat yang tidak terbatas dari satu set rumus-rumus yang terbatas, dapat memproduksi kalimat-kalimat yang sama sekali baru. Ini menafikan konsep empiris yang mengatakan bahawa bahasa itu sebagai satu 'set of habits'.

Tatabahasa generatif terdiri dari tiga komponen: sintaksis, semantik dan fonologi, seperti skema dalam rajah 4. Chomsky memberi istilah 'linguistic performance' kepada sistem rumus dalaman yang terdapat di dalam otak manusia. Jadi, sistem rumus dalaman itulah sebenarnya tatabahasa generatif iaitu model 'linguistic competence' seorang penutur itu. Menurut Chomsky lagi, tiap-tiap penutur dan pendengar mempunyai 'competence' iaitu kemampuan dan 'performance' iaitu penuturan. Competence berada di dalam otak mental sedangkan performance berada di luar. Kemampuan berbahasa merupakan prinsip bagi penutur untuk memahami ayat. Penuturan merupakan strategi penutur menggunakan kemampuan membentuk kalimat sendiri dan respon terhadap orang lain.



Rajah 4: Skema Teori Tata Bahasa Generatif

(Simanjuntak 1971: 125)

Bagi Chomsky, yang paling penting dikaji oleh linguistik ialah kalimat-kalimat yang tidak terbilang banyaknya itu serta bagaimana pula dimengerti kalimat-kalimat itu. Dengan itu teori linguistik Chomsky adalah bersifat mentalisme kerana teori ini cuba menghubungkan realiti mental dengan laku bahasa yang sebenarnya (Mohd. Hilmi Hj. Ismail 1977: 77).

Tatabahasa Generatif dalam otak penutur itu diperolehi dari otaknya sendiri kerana penutur secara semula jadi telah mempunyai tatabahasa sejagat. Dengan menghubungkan tatabahasa sejagat dengan pengalaman persekitaran, ia akan menghasilkan tatabahasa generatif pada taraf 'competence' nya. Setelah ia mempunyai competence ia juga mempunyai performance. Tetapi TG yang ada di dalam otaknya itu tidak sama dengan tatabahasa luaran. Dalam perkataan lain, 'competence' tidak sama dengan 'performance'. Lalu Chomsky memperkenalkan pula konsep struktur dalaman (Deep Structure) dan struktur tasik (Surface Structure) iaitu dua aspek penting dalam TTG. Struktur dalaman adalah struktur bahasa yang berkait dengan komponen semantik, sedangkan struktur luaran adalah struktur bahasa yang berhubung dengan komponen sintaksis dan fonologi.

Teori linguistik Chomsky yang selaras dengan aliran Mentalisme menekankan, bahagian dalam bahasa, merupakan proses mental yang dapat memproduksi bahasa tanpa perangsang dari luar menurut S-O-R. Oleh itu bahasa tidak lagi dilihat secara konvensi sebagai:

"the totality of utterance that can be made
in a speech community is the language of
that community"

Jadi, teori Chomsky itu sebenarnya mengandung empat perkara
pokok yang penting iaitu:

1. aspek kreatif dari penggunaan bahasa
2. keabstrakan lambang-lambang linguistik
3. kesejagatan dari struktur linguistik dasar
4. peranan organisasi intelek nurani (innate capacity)

Oleh itu, dalam pendekatan kognitif, pengertian sangat penting
dalam proses pembelajaran dengan cara menerangkan aspek-aspek struktur
bahasa dan perbedaan-perbedaan yang nyata di antara kedua-dua bahasa
dan menerapkan secara sedar pengetahuan tata bahasa dan perbezaan ini
dalam proses belajar dan juga menggalakkan kemampuan kreatif daripada
fikiran serta kaedah kepada pemecahan persoalan sebagai salah satu
milik hakiki dari fikiran. Oleh itu pendekatan ini merupakan satu
proses mental yang aktif dengan diterangkan rumus-rumus tata bahasa
secara didaktif.

Kaedah kognitif menitik beratkan teknik-tekniknya pada latihan-
latihan dengan pengertian rumus-rumus tata bahasa dan latihan ini adalah
ala kadarnya dari bahagian-bahagian bahasa yang sudah betul-betul di-
mengerti. Kemudian mempercayakan selanjutnya pada kemampuan pelajar
untuk memproduksi kalimat-kalimat dan bertutur, sesuai dengan aturan-
aturan bahasa yang sudah difahami yang diterapkan dalam proses mental.

2.3.3 Pendekatan Pragmatik

Pendekatan ini semakin kuat pengaruhnya, dewasa ini, untuk mendasarkan kaedah pengajaran bahasa atas faktor-faktor pragmatik iaitu, faktor-faktor ekstralinguistik yang membentuk bahasa itu. Ini merupakan kecenderungan-kecenderungan dan perkembangan-perkembangan baru dalam bidang psikolinguistik yang berhubung langsung dengan pengajaran bahasa.

Oller mendefinisikan 'pragmatic' sebagai pengkajian hubungan-hubungan dan peranan serta persamaan di antara bentuk-bentuk linguistik dan konteks-konteks dan ini meliputi sintaksis dan semantik (Oller dalam Oller dan Richards 1973: 47). Dalam teori linguistiknya, Firth menekankan kepentingan hubungan-hubungan di antara bentuk-bentuk linguistik dengan konteks atau faktor ekstralinguistik. Hal ini juga pernah disuarakan oleh tokoh-tokoh pragmatis klasik seperti John Dewey, George Herbert Mead, Malinowsky dan Wittgenstein. Tokoh-tokoh ini telah lama berpendapat bahawa erti satu kata adalah pemakaiannya di dalam bahasa itu dan inilah juga yang ditekankan oleh Firth di dalam teorinya.

Terdapat dua jenis perkembangan dalam ilmu linguistik yang selalu dikaitkan dengan Firth iaitu teori konteks situasi untuk menentukan erti dan analisa prosodik dalam fonologi. Teori situasi inilah menjadi basis dari teori linguistik Firth dan beliau menolak setiap usaha untuk memisahkan bahasa dari konteksnya dalam kehidupan manusia

dan budaya.

Firth menekankan bahwa erti merupakan 'nadi' daripada pengkajian bahasa sebagai kegiatan yang penuh pengertian dan semua analisa linguistik dan pernyataan-pernyataan mengenainya adalah merupakan analisa dan pernyataan erti. Dalam hubungan ini beliau memperkenalkan dua kolokasi untuk menerangkan erti iaitu tatabahasa dan erti fonologi.

Erti tatabahasa adalah peranan atau antarahubungan dari unsur-unsur tatabahasa di dalam konteks tatabahasa dari apa yang mendahului dan apa yang mengikuti unsur-unsur itu di dalam kata atau konstruksi dan dari unsur-unsur tatabahasa yang bersamaan di dalam paradim-paradim. Erti fonologi pula adalah peranan atau antarahubungan dari unsur-unsur fonologi di dalam konteks fonologi dari struktur-struktur suku kata dan kumpulan suku-suku kata dan unsur-unsur lain yang bersamaan secara paradigmantik yang dapat berperanan dalam konteks yang serupa.

Seterusnya, Firth mengakui dengan analisa prosodik ciptaannya, beliau dapat menganalisa bahasa dan membuat pernyataan-pernyataan yang sistematis dari analisa^{su} ini yang berdasarkan pemeriksaan-pemeriksaan yang teliti dari bahan-bahan bahasa dan memakai istilah-istilah dan kategori-kategori yang sesuai. Analisa prosodik dalam fonologi menganggap bahawa ada dua jenis entiti fonologi:

1. Unit-unit fonematik yang terdiri dari konsonan-konsonan segmental dan unsur-unsur vokal yang merupakan entiti yang dapat saling dipergantikan dalam bermacam-macam posisi dalam suku kata yang berlainan.

2. Prosodi-prosodi yang terdiri dari fitur-fitur atau milik-milik struktur yang lebih panjang dari satu segmen, baik berupa perpanjangan fonetik maupun dengan pembatasan struktur secara fonologi, seperti suku kata atau kata. Prosodi-prosodi ini merupakan entiti yang menjadi ciri-ciri khas suku-suku kata secara keseluruhan dan tidak dapat saling dipergantikan.

Aliran Pragmatisme ini menekankan hubungan-hubungan di antara unit-unit linguistik dengan faktor-faktor nonlinguistik seperti benda-benda yang diperbincangkan, keadaan-keadaan alam yang sebenarnya, manusia-manusia lain dan sebagainya. Dari pendekatan ini timbullah keadaan pragmatik yang menitik beratkan teknik-tekniknya pada penggunaan bahasa secara praktis dalam situasi yang sebenarnya atau menyerupai, sehingga hubungan-hubungan di antara unit-unit bahasa dengan faktor-faktor yang bahasa tampak dengan jelas. Yang paling penting ialah faktor-faktor bukan bahasa dan bukan faktor-faktor sintaksis dan fonologi, kerana hubungan-hubungan di antara faktor-faktor nonbahasa dengan unit-unit bahasa inilah yang menentukan erti dan di dalam erti telah tersimpul sintaksis.

2.4. Teori yang kita perlukan

Ketiga-tiga teori iaitu PAUL, Kognitif dan Pragmatik, belum dapat dianggap memadai secara diskriptif dan berkemampuan seperti yang disyaratkan oleh Chomsky untuk menilai teori linguistik yang baik. Ini juga termasuk teori Chomsky sendiri! Tetapi dengan adanya ketiga-

tiga teori tadi kita sudah lebih dekat kepada kebenaran dan teori yang kita perlukan tidak jauh lagi.

Oller dan kawan-kawannya (1969) telah menekankan kembali pentingnya teori linguistik dalam pengajaran bahasa dengan mengemukakan tujuan utama teori linguistik. Dalam artikelnya, Mangantar Simanjuntak (1978: 379) menghuraikan bahawa teori linguistik (teori bahasa) yang kita perlukan haruslah teori yang memuaskan dan mampu menerangkan persoalan-persoalan berikut:

1. apakah bahasa itu
2. bagaimanakah bahasa itu lahir
 - bagaimana hakikatnya
3. apa milik-milik tatabahasanya
5. bagaimana tatabahasa itu diproduksi dan difahami

Satu pendekatan pengajaran bahasa yang berjaya haruslah didasarkan pada teori linguistik seperti ini kerana tanpa pengetahuan teori yang seperti ini guru-guru telah dilengkapi dengan satu alat tanpa mengetahui bagaimana alat itu bekerja. Dengan pengetahuan teori linguistik seperti ini, seorang guru bahasa telah berjaya menempuh separuh jalan ke arah kejayaan pengajaran kerana dengan pengetahuan teori ini dia telah diperlengkapi dengan satu senjata yang paling unggul iaitu linguistik perolehan yang menolongnya untuk mengatasi semua masalah pengajaran bahasa yang mungkin timbul.

Untuk menetapkan teori linguistik yang kita perlukan pendekatan

multidisiplin sangat diperlukan. Ketiga teori di atas telah dihasilkan oleh pendekatan monodisiplin yang terus ada pada peringkat abstrak. Dalam merumuskan teori ini kita perlu juga menerapkan penemuan-penemuan tentang bahasa oleh bidang-bidang lain seperti neuroanatomi, neurofisiologi, neuropsikologi dan neurobiologi bahasa. Apa yang berlaku sekarang dalam linguistik adalah spesialisasi yang prematur iaitu terlalu memisahkan diri dari apa yang dinamakan Milner (1967) sebagai 'supporting knowledge underpinnings' di mana menurut beliau kesalahan yang besar.

Pendekatan multidisiplin ini telah melahirkan satu disiplin baru iaitu neurolinguistik. Penemuan-penemuan neurolinguistik telah berjaya menolong melahirkan satu teori linguistik yang kita perlukan (Simanjuntak 1977, 1978). Menurut Whittaker (1970), penemuan-penemuan neurolinguistik ini haruslah dapat digunakan sebagai batu penyokong untuk teori-teori linguistik kerana tidaklah dapat diterima lagi memisah-misahkan hipotesis linguistik ke peringkat abstrak di luar korelasi dan pembentahan neurologi. Jacoson (1975) dalam menyokong pendapat ini berpendapat bahawa analisa linguistik yang formal yang dipisahkan dari lapisan-lapisan bawah biologinya tidaklah merupakan pendekatan yang menguntungkan untuk menerangkan masalah bagaimana otak memproduksi dan memahami kalimat-kalimat.


Teori-teori linguistik yang kita perlukan merupakan hasil kerjasama di antara teori tatabahasa TG Chomsky dengan teori neurolinguistik Wernicke. Kerjasama antara kedua teori ini diambil kerana

kedua teori ini sangat selaras dan sangat dekat dengan kebenaran. Keselarasan ini dapat dilihat dengan memerhatikan skema 1. Skema 2 akan memperjelaskan bagaimana teori TG disokong oleh atau selaras dengan penemuan-penemuan neurolinguistik yaitu teori Wernicke.

Ternyata bahwa pusat-pusat ucapan dan pusat bahasa ada di belahan otak sebelah kirai, pusat produksi (termasuk performance) ada di Medan Broca dan pusat komprehensi (termasuk performance juga) ada di Medan Wernicke. Medan Broca dan Medan Wernicke dihubungkan oleh Fasikulus Busur yang menandakan bahwa keduanya berhubung rapat dan saling bergantung. Dapat kita tekankan bahwa teori linguistik yang tidak selaras dengan penemuan-penemuan Neurolinguistik tidak dapat diterima dan pendekatan pengajaran bahasa yang didasarkan pada teori yang tidak dapat diterima ini dapatlah diramalkan akan mengalami kegagalan.

Secara singkatnya, kesimpulan yang dapat kita buat dari teori linguistik yang kita perlukan adalah seperti berikut:

1. Manusia telah dilengkapi secara genetik dengan tatabahasa nurani yang bersifat sejagat yang menjadi dasar bagaimana bahasa nurani manusia itu diatur. Tatabahasa Nurani ini tidak sama dengan Tatabahasa Linguistik. Tetapi yang jelas ialah bahwa Tatabahasa Linguistik itu sebahagian besar didasarkan pada tatabahasa Nurani. Tatabahasa nurani ini ada di Angular Gyrus.
2. Kesejagatan Tatabahasa Nurani inilah yang memungkinkan manusia mampu untuk melakukan antarkomunikasi dilingkungan masyarakat yang




Petunjuk:

LD = Lobus Depan	KPp = Performance
MB = Medan Broca	LP = Lobus Paretal
LT = Lobus Temporal	AG = Angular Gyrus
MW = Medan Wernicke	FB = Fasikulus
KPd = Korteks Pendengaran	KPi = Busur

Skema 1: Belahan Otak Sebelah Kiri: Pusat Bahasa

Competence dan Performance (Simanjuntak 1978: 581).



Skema 2 : Produksi dan Komprehensi (Simanjuntak 1978: 582)

berbahasa sama. Inilah juga yang memungkinkan manusia mampu mempelajari bahasa lain (B2) kerana pada dasarnya, iaitu, pada peringkat struktur dalaman semua bahasa di dunia ini dikatakan sama.

3. Manusia telah juga dilengkapi secara genetik dengan mekanisme yang perlu untuk antarkomunikasi bersama kapasiti untuk menggunakan rumus-rumus fonetik dan semua ini ada di Medan Broca.
4. Manusia juga telah dilengkapi secara genetik dengan mekanisme yang mengatur dan mengubah kalimat-kalimat dasar yang dihasilkan oleh Struktur Dalaman itu menurut rumus-rumus semantik dan transformasi untuk kemudian dihantar ke Medan Broca melalui Fasikulus Busur untuk diproduksi. Mekanisme ini ada di Medan Wernicke.
5. Dalam antarkomunikasi, bunyi-bunyi kalimat yang diproduksi oleh penutur lebih dahulu dirobah ke dalam pola-pola pendengaran oleh Medan Wernicke di pendengar dan sesudah semua kata dikumpulkan berdasarkan bunyi dan erti dengan menggunakan rumus-rumus semantik barulah kalimat-kalimat itu ditranskodkan untuk komprehensi di Angular Gyrus.

2.5 Pendekatan APTA dan OPTA

Pendekatan yang paling unggul dibandingkan dengan ketiga-tiga pendekatan yang telah dibincangkan di atas adalah APTA (Artificial Pragmatic Transcoding Approach). APTA telah didasarkan pada penemuan-penemuan terakhir dalam neuropsikolinguistik sebagai perbaikan pada Pendekatan Kognitif dan Pendekatan Pragmatik. APTA, telah dicipta

di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1976 dengan pemusatan pemerhatian pada waktu pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua untuk menolong mereka yang belum menguasai bahasa itu. Walau bagaimanapun pendekatan ini sesuai juga untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. OPTA, pula adalah pendekatan pengajaran bahasa pertama yang sesuai untuk semua bahasa (Simanjuntak 1981: 11) termasuk Bahasa Malaysia yang didasarkan pada teori bahasa yang telah diuraikan tadi. Pendekatan ini dinamakan OPTA (Original Pragmatic Transcoding Approach) kerana pentranskoden Bahasa Nurani kepada Bahasa Linguistik menurut persekitaran yang asli dan murni (original). Teori yang mendasarkan APTA dan OPTA tetap sama. Jadi APTA adalah satu pendekatan pengajaran bahasa yang kedua yang sesuai untuk semua bahasa, termasuk Bahasa Malaysia. Ianya dinamakan APTA kerana proses pentranskoden Bahasa Nurani kepada bahasa kedua berlaku secara tidak asli (artificial) melalui Bahasa Linguistik (dalam hal ini bahasa ibunda) murid dan juga melalui persekitaran tiruan yang dicipta oleh guru di dalam kelas.

Rasional di belakang pendekatan ini sederhana dan kesederhanaan inilah kekuatannya dan keunggulannya. Rasional itu ialah bahawa dalam setiap pengajaran bahasa, baik bahasa pertama mahupun bahasa kedua, kita harus berusaha merangsang seluas⁵ (sebanyak) mungkin pusat bahasa di dalam otak murid-murid melalui semua atau hampir semua inderanya. Kaedah yang baik digunakan ialah merangsang pusat-pusat bahasa melalui korteks-korteks yang mengelilinginya iaitu Korteks


Pendengaran, Korteks Penglihatan dan Korteks Perasa. Tugas perangsangan terhadap semua indera murid-murid harus diberi peruntukan masa dan latihan berdasarkan pemahaman yang sama serta tidak berat sebelah. Perlu diingatkan bahawa cara perangsangan ini harus didasarkan pada hukum Gestalt (sila lihat skema 3).

Yang paling mustahak dalam ALTA dan OPTA ini ialah teori bahasanya yang menjadi tapak pendekatan yang kita anut. Yang paling berkesan yang menjadikan pendekatan ini sangat berjaya ialah teknik-teknik yang dengan mudah dapat dicipta oleh guru. Berdasarkan ini beberapa teknik yang baik dapat dicipta dan diatur, seperti teknik menterjemah, teknik membaca kuat, teknik diktet, teknik orang awam dan teknik campuran. Teknik terakhir ini sangat berkesan dan penting kerana aspek kreatif murid-murid dapat dikembangkan dengannya (Simanjuntak 1978: 584).

2.6. Kesimpulan

Pengajaran bahasa adalah satu kegiatan yang sangat penting dan terasa semakin penting dalam kenecek perkembangan teknologi dewasa ini. Manusia sejak zaman dahulu lagi telah cuba mengkaji bahasa itu kerana bahasa itu amat penting dalam kehidupan kita.

Penemuan-penemuan demi penemuan dalam teori-teori linguistik dan pendekatan linguistik membawa kita semakin dekat pada kebenaran. Kini pengajaran bahasa, termasuk pengajaran Bahasa Malaysia telah mencapai peringkat sofistikasi yang sangat tinggi. Masalah pengajaran



Skema 3: Pendekatan APTA (penumpukan pada Medan Broca (MB), Medan Wernicke (MW) dan Angular Gyrus (AG)).

bahasa tidak lagi dipecahkan berdasarkan sudut pandangan satu disiplin sahaja tetapi telah dipecahkan berdasarkan sudut pandangan berbagai-bagai disiplin iaitu disiplin-disiplin psikologi, pendidikan, linguistik, sosiologi dan disiplin-disiplin yang baru wujud sekarang iaitu psiko-linguistik, sociolinguistik, neurolinguistik dan lain-lain.

Oleh sebab itu setiap guru bahasa harus diperlengkap dengan pengetahuan teori-teori bahasa yang menjadi dasar pendekatan agar ia sendiri dapat mencipta kaedah dan teknik-teknik yang sesuai untuk memecahkan masalah-masalah pengajaran bahasa yang dihadapi. Pengetahuan tentang satu teori bahasa yang baik adalah syarat mutlak bagi guru bahasa yang ingin mencapai kejayaan.

Di dalam masyarakat yang bidialektikal, pengajaran bahasa standard yang berkesan memerlukan perhatian yang saksama tentang dialek setempat. Sebagai akibatnya, diperkenalkan apa yang sekarang terkenal sebagai 'bidialectism' yang hampir serupa dengan 'bilingualism'. Menurut 'bidialectism' ini murid-murid pada mulanya diajar dulu dalam bahasa (dialek) yang mereka fahami dan selepas mereka mencapai taraf 'literacy' yang cukup tinggi barulah dialek standard diperkenalkan dan dipakai sebagai bahasa pengantar tanpa mencela atau menyalahkan bentuk-bentuk tidak standard (Simanjuntak 1981: 13).

Oleh kerana 'bidialectism' dan 'bilingualism' itu hampir serupa maka pengetahuan guru-guru tentang pendekatan-pendekatan dan kaedah pengajaran bahasa kedua pada murid-murid yang 'bilingual' dapat

juga diterapkan pada murid-murid yang bidialektikal. Teknik mengajar bahasa kedua melihat sifat-sifat konstrastif antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Cara yang sama juga dapat digunakan untuk penutur-penutur dialek menggunakan Bahasa Malaysia Standard.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan 1980 Linguistik Am Untuk Guru-Guru Bahasa Malaysia, (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.)
- Abd. Hamid Mahmood, 1981 'Ciri-ciri Dialek Kelantan yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Malaysia Standard' Kertas Kerja dalam Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan, 2 - 3 Disember 1981.
- Abd. Samad Idris, 1968 Negeri Sembilan dan Sejarahanya, (Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Bhd.).
- Alisjahbana, S.T., 1974 'Language Policy, Language Engineering and Literacy in Indonesia and Malaysia' dalam Joshua A. Fishman (ed.), Advances in Language Planning, (Paris: Mouton and Co., The Hague).
- Asmah Haji Omar 1975 Essays on Malaysian Linguistics, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____ 1977 Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____ 1978 Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khas kepada Perancangan Bahasa Malaysia, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____ 1981 'Geografi Dialek: Kaedah dan Implikasi, Kertas Kerja dalam Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan, 2 - 3 Disember 1981.
- Ajid Che Kob 1977 Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal, Tesis M.A., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya).

- Awang Saryan 1978 'Teori Linguistik Bloomfield dan Implikasinya terhadap Pengejaran Bahasa', Dewan Bahasa, 2: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Carrol, J.B., 1966 'The Contributions of Psychological Theory and Education Research to the Teaching of Foreign Language' dalam Valdman (ed.), Trends in Language Teaching, (New York: Mc Graw Hill).
- Cense, A.A. dan Uhlenbeck, E.M., 1958 Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo, (The Hague: Cravenhage - Martinus Nijhoff)
- Chomsky, N., 1966 Language and Mind, (New York: Mc Graw-Hill).
- Collins, J.T., 1981 'Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan, Dewan Bahasa, 25: 12, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Einar Haugen, 1966 Dialect, Language and Nation, American Anthropologist, vol. 68, 931 - 933.
- Farid M. Onn 1976 'Aspects of Malay Phonology and Morphology, Tesis Ph.d., (Urbana Champaign: University of Illinois).
- _____, 1979 'Media Massa dan Masalah Pencemaran Bahasa Malaysia, Kertas Kerja dalam Seminar Pencemaran Bahasa Malaysia Masakini, Punca dan Pencemaran, Universiti Sains Malaysia.
- Farid M. Onn dan Ajid Che Kob 1981 'Persepsi Murid dan Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Daerah Dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia

- di dalam Daftar Pelajar-Pelajar Melayu,
Kertas Kerja dalam Simposium
Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan
2 - 3 Disember 1981.
- Ferguson, C.A., 1966 'Diglossia' dalam Dell Hymes (ed.)
Language in Culture and Society,
A Reader in Linguistics and
Anthropology, (New York: Harper
and Row).
- Hj. Hamdan Hj. Abd. Rahman 1981 Untungnya Kalau Guru Mengetahui
Dialek Murid, Kertas Kerja dalam
Simposium Dialek, Penyelidikan
dan Pendidikan, 2 - 3 Disember 1981
- Hendon, R.S., 1966 The Phonology and Morphology of
the Ulu Muar Malay, Tesis Ph. D.,
(New Haven: Yale University).
- Hockett, 1958 A Course in Modern Linguistics,
(New York: Macmillan and Co.).
- Householder, 1961 'Satu Huraian Tentang Loghat dan
Bahasa' Dewan Bahasa, 5: 1,
(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka)
- Isahak Haron, 1980 'Beberapa Kaedah Mengajar Murid-
Murid Membaca Di Peringkat Awal'
Dewan Bahasa, 24: 7, (Kuala
Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Ismail Hussein, 1973 The Malay Dialects in The Malay
Peninsular, Nusantara, Bil. 3
(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka).
- _____ 1978 Peranan Bahasa Melayu dalam
Perkembangan Kesusasteraan Nasional,
Kertas Kerja dalam Seminar Penulisan
di Sabah.
- Johnson, N.A., 1976 Current Topics in Language:
Introductory Readings, (Cambridge:
Massachusetts, Winthrop).
- Kamarulzaman Yahya, 1963 'Pelat Bahasa dan Pengaruhnya dalam
Masyarakat', Dewan Bahasa,

- 7: 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Maimoon bte. Jantan 1978 Pengaruh Dialek dalam Proses Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard di Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu, Latihan Ilmiah, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Malik b. Sohor 1978 Psikolinguistik dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan, Latihan Ilmiah, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Mc Neill, D., 1970 The Acquisition of Language - The Study of Development Psycholinguistics, (New York: Harper and Row).
- _____, 1973 'The Creation of Language' dalam Oldfield, R.C. dan Marshall, J.C., (ed.), Language: Selected Reading, (London: Penguin Education).
- Mohd. Hilmi Hj. Ismail, 1977 'Teori Linguistik Chomsky dan Metod Kognitif', Dewan Bahasa, 21: 2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Md. Yassin Abd. Majid, 1980 'Kaedah Audio-Lingual dan Beberapa Kaedah dalam Pembelajaran Bahasa, Dewan Bahasa, 24: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Menyuk, P., 1971 The Acquisition and Development of Language, (New Jersey: Prentice - Hall, Inc.).
- Nida, E.A., 1963 Morphology. The Descriptive Analysis of Words, Second Edition, (Ann Arbor, Michigan: The University of Michigan Press).

- Nik Safiah Karim, 1965 Loghat Kelantan, Suatu Kecerakinan Kajibunyi, Bahasa, Latihan Ilmiah M.A., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya)
- _____, 1978 Bahasa Malaysia Syntax, Some Aspects of its Standardisation, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- _____, 1981 Dialek Sosial dan Tingkat-Tingkat Bahasa di Malaysia, Kertas Kerja dalam Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan, 2 - 3 Disember.
- Oller, J.W.Jr., 1973 'Some Psycholinguistic Controversies' dalam Oller dan Richards (ed.), Focus on the Learner: Pragmatic Perspectives for the Language Teacher, (Row. Mass.: Newbury House Publisher)
- Omar Hashim, 1978 "'Kemerosotan' Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan SPM, 1977", Dewan Bahasa, 22: 460 - 63, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Primsleur, Paul dan Quinn, Terence (ed.), 1978 The Psychological of Second Language Teaching, (London: Cambridge University Press).
- Rivers, W.M., 1968 Teaching Foreign Language Skills, (Chicago: The University of Chicago Press).
- Robins, R.H., 1967 General Linguistics: An Introductory Survey, (London: Longman, Green and Co. Ltd.)
- Sadanand Singh dan Kala Singh, 1976 Phonetics: Principles and Practices, (Baltimore: University Park Press)

- Sharman Abu, 1973 'Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal dalam Dialek Negeri Sembilan', Dewan Bahasa, 17: 12, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____, 1974 'Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan dalam Dialek Negeri Sembilan' Dewan Bahasa, 18: 6, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Simanjuntak, M., 1971 History and Trends in Methods and Research of Foreign Language Teaching, (Medan: IKIP).
- _____, 1971 'Pengajaran Bahasa dan Beberapa Teoris Linguistik; de Saussure, Bloomfield, Firth dan Chomsky' Jurnal Budaya Melayu.
- _____, 1978 'Teori Linguistik dan Implikasi serta Aplikasinya dalam Pengajaran Bahasa Kedua', Dewan Bahasa, 25: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- _____, 1978 Pengantar Psikolinguistik: Beberapa Topik Penting, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia)
- _____, 1981 APTA dan OPTA dalam Pengajaran Bahasa, Dewan Bahasa, 25: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____, 1981 Dialek dan Pendidikan, Kertas Kerja, Jabatan Persuratan Melayu, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Trubetzkoy, N.S., 1969 Principles of Phonology, (California: University of California Press).
- Woo Seng Hwa, 1968 Pengajaran Bahasa Kebangsaan dan Masalahnya, (Kuala Lumpur: Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd.).

Lampiran

Panduan:

1. Isikan ruang kosong (.....) dengan maklumat yang betul.
2. Bagi soalan yang memerlukan jawapan pendek seperti ya/ tidak, ada/tiada dan sebagainya, anda diminta memotong mana-mana maklumat yang tidak berkenaan.

1. Nama
2. Umur
3. Jantina
4. Sekolah
5. Tempat dilahirkan
6. Latihan yang diterima;
 - a. Kelulusan tertinggi diperolehi
 - b. Nama Maktab/Universiti
 - c. Tahun
 - d. Mata pelajaran pilihan
7. Pengalaman mengajara Bahasa Malaysia tahun
8. Pernahkah anda menghadiri kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru Bahasa Malaysia: Ya/Tidak. Sekiranya pernah, sebutkan nama kursus dan tahun dihadiri:
 1. Kursus Tahun
 2. Kursus Tahun
9. Pernahkah anda mempelajari linguistik: Ya/Tidak
10. Apakah kaedah dan teknik yang anda terapkan dalam pengajaran Bahasa Malaysia.

11. Sekiranya anda pernah mengikuti kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru Bahasa Malaysia, dapatkah anda menjalankan cadangan atau teknik baru yang diperolehi dari kursus/kursus-kursus tersebut (Tandakan ✓ pada ruang):

- i. dapat dijalankan 100% ()
- ii. dapat dijalankan 50% - 75% ()
- iii. dapat dijalankan 25% ()
- iv. tidak dapat dijalankan langsung ()

12. Sekiranya tidak dapat dijalankan terangkan mengapa

.....

.....

13. Seminar bahasa yang anda pernah hadiri:

- i. tahun
- ii. tahun
- iii. tahun

14. Bilangan murid yang anda ajari:

- i. Melayu orang
- ii. Bukan Melayu orang

15. Pada pendapat anda, bagaimanakah sikap murid-murid Melayu dalam mempelajari Bahasa Malaysia:

- i. sangat memuaskan%
- ii. sederhana%
- iii. dingin%

16. Pada pendapat anda, bagaimanakah sikap murid-murid bukan Melayu dalam mempelajari Bahasa Malaysia:

- i. sangat memuaskan%
- ii. sederhana%
- iii. dingin%

18. Adakah terdapat kemudahan-kemudahan perpustakaan di sekolah anda: Ya/Tidak
19. Pada pendapat anda adakah kemudahan ini dapat membantu proses penguasaan bahasa murid
-
-
20. Adakah terdapat kemudahan-kemudahan seperti akhbar dan majalah-majalah yang relevan di sekolah anda: Ya/Tidak
21. Adakah terdapat alat-alat bantuan mengajar seperti:
1. televisyen
 2. radio
 3. pita rakaman
 4. carta-carta
 5. dan lain-lain
22. Pada pendapat anda adakah kemudahan-kemudahan yang disebutkan di atas dapat membantu meningkatkan taraf Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid :
-
23. Adakah sekolah anda menjalankan apa-apa kegiatan untuk memperbaiki taraf Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid
-
24. Adakah anda menggunakan dialek bila bertutur dengan murid-murid dalam suasana berikut:
1. sepenuh masa waktu mengajar
(Ya/Tidak)
 2. bercerita/berjenaka (Ya/Tidak)
 3. menerangkan perkataan
tertentu (Ya/Tidak)
 4. marah (Ya/Tidak)

5. di luar waktu sekolah (Ya/Tidak)

25. Sekiranya anda menggunakan dialek dalam kelas apakah sikap murid:
- a. amat suka dan memberi respon dalam dialek juga $\frac{9}{10}$
 - b. sederhana $\frac{1}{10}$
 - c. kurang suka $\frac{0}{10}$
 - d. dingin $\frac{0}{10}$
26. Pada pendapat anda bagaimanakah dialek mempengaruhi proses pengajaran bahasa
27. Bagaimanakah dialek mempengaruhi proses pembelajaran bahasa oleh murid
28. Jika guru menggunakan dialek adakah murid-murid dapat memahami guru: Ya/Tidak.
29. Jika murid yang menggunakan dialek adakah guru menghadapi kesukaran untuk memahami murid: Ya/Tidak.
30. Adakah dialek mengujudkan kesukaran dalam perhubungan antara murid dan guru: Ya/Tidak.
31. Selain dari itu, apakah kesan-kesan negatif yang mungkin timbul akibat dari pengaruh dialek.....
32. Jika dialek memberi kesan-kesan negatif bagaimanakah cara mengatasi masalah ini